

Tarikh : 4/10/2021 (Isnin)

Masa : 8:45 pagi hingga 9:45 pagi.

Kemahiran: Membaca 2.6.2 Membaca dan menaakul bahan dengan idea baharu. Tajuk : Bas Mesra Alam. Rujuk halaman 136.

Latihan 1: Pilih jawapan yang sesuai berdasarkan soalan dengan mengheret ke tempat kosong.

Bas Mesra Alam

1. Bas elektrik pertama di negara ini telah dicipta oleh.....

- A. syarikat kenderaan luar negara
- B. syarikat kenderaan Malaysia
- C. syarikat kenderaan bumiputera

2. Apakah jenis bas yang dicipta?

- A. Biodiesel
- B. Biokimia
- C. Elektrik
- D. Petrol

3. Apakah tujuan utama bas ini dicipta?

- A. Bagi menarik pelancong.
- B. Bagi mengurangkan kos.
- C. Bagi keselesaan penumpang
- D. Bagi mengurangkan pencemaran alam.

5. Setiap kali bateri dicas berapakah jauh

jarak yang boleh dicapai?

- A. 250 hingga 300 kilometer
- B. 200 hingga 300 kilometer
- C. 250 hingga 350 kilometer

KUALA LUMPUR, 2 Ogos - Sebuah syarikat kenderaan tempatan telah mencipta bas elektrik pertama di negara ini. Kejayaan ini amat membanggakan rakyat Malaysia dan akan memberikan manfaat kepada negara.

Bas ini dicipta untuk mengurangkan pencemaran alam kerana bas ini tidak menggunakan minyak petrol ataupun diesel. Oleh sebab itu, bas ini tidak akan mengeluarkan karbon monoksida. Penggunaan bas diesel pada masa sekarang banyak memberikan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Kos pembinaan bas ini amat tinggi. Walau bagaimanapun, dari segi jangka masa panjang, penggunaan bas elektrik dapat menjimatkan kos penyelenggaraan dan bahan api. Oleh itu, wang penjimatan tersebut dapat disalurkan kepada pelbagai pihak untuk mengindahkan alam.

Bas elektrik ini menggunakan kuasa bateri sepenuhnya. Bas elektrik tersebut mampu bergerak sejauh 250 kilometer hingga 300 kilometer setiap kali baterinya dicas. Bas elektrik ini mempunyai kelajuan maksimum 45 kilometer sejam dan mampu membawa sebanyak 35 orang penumpang.

Pencemaran udara daripada bas elektrik sangat kurang berbanding dengan bas yang menggunakan bahan bakar. Oleh itu, kualiti alam sekitar lebih terjamin. Tumbuh-tumbuhan juga akan sentiasa segar kerana tidak terdedah kepada karbon monoksida. Tumbuhan hijau tidak lagi diganggu dengan asap bas diesel. Selain itu, rakyat negara ini juga sihat kerana bebas daripada asap kenderaan.



Kesimpulannya, penggunaan teknologi yang menggunakan elektrik perlulah diberikan galakan untuk diguna pakai oleh pengeluar kenderaan. Natijahnya, kualiti alam sekitar terjamin.

4. Apakah gas yang dilepaskan apabila kenderaan menggunakan bahan bakar petrol atau diesel?

- | | |
|---------------------|--------------------|
| A. Karbon monoksida | C. Karbon Dioksida |
| B. Karbon Oksida | D. Karbon Kimia |

6. Berapakah kelajuan maksimum bas elektrik ini?

- | | |
|-----------------------|-----------------------|
| A. 43 kilometer sejam | C. 44 kilometer sejam |
| B. 45 kilometer sejam | D. 50 kilometer sejam |

Ayat di bawah mengandungi kesalahan ejaan dan tanda baca. Tulis semua ayat dengan membetulkan kesalahan ejaan dan tanda baca.

1. oleh itu, kualiti alam sekitar lebih terjamin.

2. Tumbuh hijau tak lagi diganggu dengan asap bas diesel.

3. teknologi yang menggunakan elektrik perlulah diberikan galak.

4. natijahnya, kualiti alam sekitar menjamin.